

**UNDANG-UNDANG KECIL**

**CETAKAN SEMULA**

**UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN  
(MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA) 2005**

Mengandungi segala pindaan hingga 10 Disember 2020.

DITERBITKAN OLEH  
JABATAN UNDANG-UNDANG  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA  
2021



AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN  
(MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA) 2005

---

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

---

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

Undang-  
Undang  
Kecil

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II  
LARANGAN-LARANGAN DI DALAM TAMAN

4. Kesalahan-kesalahan
5. Kemasukan anjing atau binatang lain
6. Menjerat atau membunuh binatang dan burung dilarang
7. Kenderaan melebihi dua tan dilarang
8. Meletak kenderaan sembarangan dilarang

BAHAGIAN III  
PENGUATKUASAAN

9. Pengusiran dari taman
10. Kuasa menutup taman
11. Kuasa penangkapan
12. Kuasa menyita

BAHAGIAN IV  
AM

13. Penalti am
14. Pendakwaan
15. Pengkompaunan kesalahan
16. Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini
17. Pembatalan dan peruntukan peralihan

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976  
UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN  
(MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA) 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Bandaraya Subang Jaya membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Bandaraya Subang Jaya) 2005**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006.

**Pemakaian**

2. Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya.

**Tafsiran**

3. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

"kenderaan bermotor" ertinya setiap jenis kenderaan yang didorongi oleh jentera mekanisme yang terkandung di dalamnya dan dibina atau disesuaikan supaya dapat digunakan di atas jalan dan termasuklah treler;

"Majlis" ertinya Majlis Bandaraya Subang Jaya;

"struktur" ertinya mana-mana bangunan, bangsal, gerai, papan tanda, khemah, pondok, meja, tiang, tiang sandar, tempat berteduh, kepungan beratap, mana-mana sambungan atau mana-mana binaan lain dari apa-apa jua bahan;

"taman" termasuklah mana-mana kawasan perumahan, taman bunga, kawasan lapang, siar kaki, tasik, lorong basikal, taman rekreasi atau hiburan atau padang permainan, bulatan lalu lintas, batasan tengah sepanjang jalan, sisian jalan, rizab jalan, sungai, anak sungai, tebing sungai atau sebarang tanah lain yang diselenggara oleh Majlis;

"tumbuh-tumbuhan" termasuklah pokok-pokok renik, pokok-pokok yang memanjat serta melilit, pokok-pokok menjalar, pokok-pokok pagar, resam, bunga-bunga atau rumput halaman;

"Datuk Bandar" ertinya Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya.

## BAHAGIAN II

## LARANGAN-LARANGAN DI DALAM TAMAN

**Kesalahan-kesalahan**

## 4. Mana-mana orang di dalam mana-mana taman-

- (a) memindahkan atau mencacatkan mana-mana notis atau Undang-Undang Kecil yang dipamerkan di dalam taman itu;
- (b) membawa bersama atau melekatkan sebarang bil, pelekat, notis, sepanduk, bendera atau iklan kepada atau di atas mana-mana dinding, pokok, pagar atau struktur;
- (c) menggunakan mana-mana pelaung, pembesar suara, sistem yang digunakan untuk bercakap kepada orang ramai atau lampu tumpu;
- (d) mengalih, memindah, merosakkan atau mencacatkan mana-mana tempat duduk, peralatan tempat permainan kanak-kanak atau peralatan-peralatan lain;
- (e) membuang atau meletakkan benda kotor, benda buangan atau sampah sarap;
- (f) memanjat dinding, pagar, struktur atau pokok;
- (g) menunggang atau menolak basikal, basikal beroda tiga atau memandu kenderaan bermotor di atas mana-mana kawasan berumput atau lorong pejalan kaki;
- (h) berjalan di atas batas-batas bunga atau rumpun-rumpun pokok renek;
- (i) memotong, memindah, merosakkan atau memusnahkan mana-mana tumbuhan atau pokok;
- (j) memindah mana-mana tanah berumput atau menggali mana-mana tanah;
- (k) membaling atau melempar mana-mana batu atau pelempar lain;
- (l) mandi di dalam mana-mana tasik atau anak sungai kecuali di mana-mana tempat mandi yang telah ditetapkan oleh Datuk Bandar bagi tujuan sedemikian;
- (m) menggunakan sampan atau kenderaan air yang lain atau memancing atau mengadakan sebarang jenis sukan air di dalam mana-mana tasik atau anak sungai kecuali dengan kebenaran bertulis Datuk Bandar atau mengganggu dengan apa-apa cara pun akan aliran air daripada mana-mana tasik yang melimpahi alur air;
- (n) menyalakan mana-mana api atau membakar bunga api atau mercun atau melepaskan tembakan tanpa kebenaran yang sah mana-mana senjata api atau senapang angin tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Datuk Bandar terlebih dahulu;

- (o) menerbangkan mana-mana layang-layang atau bermain mana-mana permainan bola kecuali di tempat-tempat yang diperuntukkan dengan nyata bagi permainan itu;
- (p) berumur melebihi 12 tahun, menggunakan peralatan permainan taman kanak-kanak;
- (q) membasuh atau mengeringkan apa-apa benda atau memukul mana-mana hamparan atau tikar;
- (r) mendirikan mana-mana struktur tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Datuk Bandar terlebih dahulu;
- (s) mempamerkan, mendedahkan untuk jualan atau menjual apa-apa barang, benda atau makanan atau minuman kecuali di tempat-tempat tertentu dan di upacara tertentu yang boleh diluluskan oleh Datuk Bandar;
- (t) berkhotbah atau bersyarah di hadapan khalayak ramai atau berkumpul di dalam taman bagi tujuan mengadakan atau mengambil bahagian dalam mana-mana perjumpaan agama, politik atau mana-mana perjumpaan lain atau membuat mana-mana demonstrasi tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Datuk Bandar terlebih dahulu;
- (u) menggunakan mana-mana bahasa yang lucah atau sumbang atau berkelakuan lucah atau sumbang;
- (v) menghalang mana-mana pegawai atau pekerja Majlis dalam menjalankan dan melaksanakan tugasnya;
- (w) melibatkan diri dalam menjaga atau membasuh mana-mana kenderaan bermotor tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Datuk Bandar terlebih dahulu; dan
- (x) bermain bola sepak, golf, hoki atau ragbi di tempat yang bukan ditetapkan oleh Majlis untuk permainan itu; adalah melakukan suatu kesalahan.

**Kemasukan anjing atau binatang lain**

5. Tiada seorang pun boleh menyebabkan atau membiarkan mana-mana anjing atau binatang lain kepunyaannya atau di bawah jagaannya masuk atau tinggal di mana-mana taman kecuali anjing itu dirantai atau dikawal dengan sesuai olehnya.

**Menjerat atau membunuh binatang dan burung adalah dilarang**

6. (1) Tiada seorang pun di dalam mana-mana taman-
- (a) boleh menjerat atau membunuh binatang atau burung dalam sesuatu taman; atau
  - (b) boleh memiliki apa-apa alat atau perkakas bagi memerangkap binatang atau burung.
- (2) Mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa boleh merampas alat atau perkakas seperti itu daripada mana-mana orang yang dijumpai di dalam taman.

**Kenderaan melebihi dua tan dilarang**

7. (1) Kenderaan bermotor selain kepunyaan Kerajaan atau badan-badan berkanun yang mempunyai berat muatan lebih daripada dua tan metrik tidak boleh masuk ke mana-mana taman tanpa kebenaran bertulis daripada Datuk Bandar.

(2) Mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa boleh mengalihkan mana-mana kenderaan bermotor yang melanggar peruntukan perenggan (1) dan menahan motor itu di mana-mana tempat yang difikirkan sesuai oleh Datuk Bandar.

(3) Tiap-tiap kenderaan bermotor yang ditahan adalah di bawah risiko pemunya kenderaan tersebut.

**Meletak kenderaan sembarangan dilarang**

8. (1) Kenderaan bermotor, basikal atau basikal beroda tiga tidak boleh diletakkan di mana-mana tempat di dalam mana-mana taman kecuali pada tempat yang disediakan oleh Datuk Bandar bagi meletak kenderaan bermotor, basikal atau basikal beroda tiga itu.

(2) Jika sebuah kenderaan bermotor diletakkan di mana-mana tempat di dalam taman selain tempat yang disediakan untuk meletak kenderaan bermotor dan pemandu atau orang yang berkuasa menjaga atau mengawal kenderaan bermotor itu tidak diketahui atau tidak dapat dipastikan, tuan punya berdaftar kenderaan benmotor itu hendaklah dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, sebagai melanggar perenggan (1).

**BAHAGIAN III****PENGUATKUASAAN****Pengusiran dari taman**

9. (1) Mana-mana orang yang didapati berkelakuan tidak senonoh atau berperangai tidak sopan atau melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini boleh diperintahkan keluar dari mana-mana taman oleh Datuk Bandar atau mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor.

(2) Mana-mana orang yang enggan mematuhi arahan itu bolehlah dikeluarkan dengan cara paksa oleh pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor.

**Kuasa menutup taman**

10. Datuk Bandar boleh menutup mana-mana taman atau mana-mana bahagian taman itu pada bila-bila masa.

**Kuasa penangkapan**

11. (1) Datuk Bandar atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang-

- (a) yang semunasabahnya dipercayai olehnya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini; atau
- (b) yang enggan memberikan nama dan alamatnya apabila diminta atau jika ada sebab untuk meragui ketepatan nama dan alamat yang diberikan.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibawa ke balai polis dan hendaklah dibawa ke hadapan seorang Majistret dalam masa dua puluh empat jam, melainkan jika sebelum dari masa itu nama dan kediamannya yang sebenarnya telah dapat ditentukan, dan dalam hal yang sedemikian orang itu hendaklah dilepaskan dengan serta-merta apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk hadir di hadapan seorang Majistret jika dikehendaki sedemikian.

(3) Apabila mana-mana orang sedemikian dibawa ke hadapan seorang Majistret, Majistret itu boleh sama ada menghendaki dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin untuk hadir di hadapan seorang Majistret sekiranya dikehendaki, atau boleh memerintahkan supaya dia ditahan dalam jagaan sehingga dia dapat dibicarakan.

### **Kuasa Menyita**

12. (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menyita atau mengalihkan apa-apa barang atau benda yang menyalahi Undang-Undang Kecil ini dengan risiko ditanggung oleh pemunya.

(2) Apa-apa benda atau barang yang disita di bawah perenggan (1) ini adalah daripada jenis yang mudah rosak atau yang mengikut sifatnya lekas rosak atau jika penjagaan benda atau barang itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah, atau dipercayai akan membahayakan orang ramai, pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan supaya benda atau barang itu dilupuskan mengikut acara yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Mana-mana orang yang menuntut apa-apa benda atau barang selain benda atau barang yang disita di bawah perenggan (2), boleh menuntut benda atau barang tersebut daripada Majlis dalam tempoh minima tujuh hari bekerja atau maksima satu bulan dari tarikh benda atau barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat dan pembayaran yang dikenakan oleh Majlis.

(4) Datuk Bandar atau mana-mana pegawai diberi kuasa itu tidaklah bertanggung kepada mana-mana orang bagi apa-apa kerosotan, walau apa pun sebabnya, dalam kualiti apa-apa benda atau barang yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini.

## **BAHAGIAN IV**

### **PENGUATKUASAAN**

#### **Penalti am**

13. Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau di penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan boleh sebagai tambahan didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.



**Pendakwaan**

14. Tiada pendakwaan boleh dimulakan terhadap kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

**Pengkompaunan Kesalahan**

15. (1) Datuk Bandar, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis boleh dengan keizinan Pendakwa Raya mengkompaunkan mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaunkan dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Datuk Bandar atau Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

**Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini**

16. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh mengurangkan kuasa seseorang pegawai polis untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

**Pembatalan dan peruntukan peralihan**

17. (1) Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Daerah Petaling) 1993 [Sel. P. U. 21] adalah dibatalkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah, disifatkan telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan.

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya dalam mesyuaratnya pada 30 Ogos 2005  
[PU. Sel. Am 0283]

**DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN**

*Yang Dipertua*

*Majlis Perbandaran Subang Jaya*